

**Tidak Sepakat Pilih Anwar Jadi PM Bukti Kerapuhan Pakatan Pembangkang  
Bernama  
26 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Ketidaksepakatan pakatan pembangkang untuk melantik Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai perdana menteri sekiranya memenangi pilihan raya umum ke-13 (PRU-13) menunjukkan kerapuhan pakatan itu yang umpama "retak menanti belah".

Ketua Penerangan Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) Ruslan Kasim berkata perkara itu membuktikan kalangan parti pembangkang sudah hilang kepercayaan terhadap Anwar yang satu masa dahulu begitu disanjung.

"Isu nak lantik (siapa jadi) perdana menteri pun tidak boleh selesai, macam mana mereka (pembangkang) nak satu padukan rakyat. Luaran sahaja mereka nampak bersatu tetapi sebenarnya berlaku pertembungan pendapat antara mereka di peringkat dalaman.

"Baik kita sokong Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang sudah pasti 'track recordnya' daripada kita menyokong seseorang yang belum tentu lagi akan jadi PM," katanya ketika dihubungi Bernama di sini Selasa.

Semalam, Ketua Penerangan PAS Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata jawatan perdana menteri tidak semestinya menjadi milik Anwar, bagaimanapun pada 12 Feb lepas, Pengerusi DAP Karpal Singh sekali lagi menegaskan Anwar akan menjadi perdana menteri jika pakatan pembangkang berjaya menawan Putrajaya dalam pilihan raya umum akan datang.

Anggota Parlimen Batu Pahat Dr Mohd Puad Zarkashi yang sependapat dengan Ruslan berkata pakatan pembangkang sepatutnya mengumumkan siapa yang bakal menjadi perdana menteri semasa melancarkan manifesto PRU-13 mereka semalam.

Timbalan Menteri Pelajaran dan Ahli Majlis Tertinggi UMNO itu berkata manifesto itu juga boleh dianggap sebagai tidak lengkap dan tidak boleh dipercayai kerana tidak memasukkan nama bakal perdana menteri.

"Mereka tidak boleh selesaikan (masalah) perdana menteri ini sebab ada perebutan. DAP nak Anwar jadi PM tetapi Majlis Syura PAS tidak setuju," katanya.

Penganalisis politik Prof Madya Datuk Zainal Abidin Borhan berkata langkah pakatan pembangkang tidak mengumumkan lagi siapa bakal perdana menteri mungkin sebagai salah satu strategi mereka.

"Itu merupakan satu kelemahan dan rakyat sebagai pengundi pastinya nak tahu siapa bakal perdana menteri," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/po/newspolitics.php?id=930460>